

05 SEP 2003

DR MAHATHIR DICADANG PENASIHAT PILIHAN RAYA BN KEDAH

ALOR STAR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mencadangkan supaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai penasihat Barisan Nasional Kedah untuk pilihan raya umum akan datang.

"Dr Mahathir mempunyai pengaruh kuat di negeri ini selain dihormati, dengan itu kita yakin beliau dapat memberi sumbangan besar bagi memastikan kemenangan BN di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Persahabatan, Perpaduan dan Perjuangan anjuran Puteri Umno Bahagian Kuala Kedah di sini hari ini.

Syed Razak berkata cadangannya itu akan dibawa ke mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri dan mesyuarat BN Kedah yang akan datang.

Ia juga akan dikemukakan kepada Dr Mahathir bagi mendapatkan persetujuannya sebaik sahaja beliau bersara bulan depan, katanya.

Syed Razak berkata pengalaman luas Dr Mahathir dapat membantu BN negeri mengatur strategi berkesan bagi menghadapi pembangkang.

-- BERNAMA

MZM MAI